

► Membaca

Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan ulasan di bawah ini.

SP 2.3.1

Isu pencemaran bahasa di negara kita perlu dibendung kerana isu ini boleh mencemarkan imej bahasa kebangsaan. Kita sering melihat pelbagai kesalahan bahasa pada papan-papan tanda terutamanya di premis perniagaan. Sebenarnya, masalah ini berpunca daripada persepsi segelintir masyarakat yang menganggap bahawa pencemaran bahasa ini tidak membawa apa-apa kesan negatif kepada mereka.

Mereka beranggapan bahawa urusan harian tetap berjalan dengan lancarnya walaupun bahasa yang digunakan tunggang-langgang. Oleh hal yang demikian, pihak berkenaan perlu mewajibkan penggunaan bahasa yang gramatis pada papan-papan tanda untuk mengatasi masalah ini. Pihak kerajaan pula perlu menganjurkan pelbagai kempen kesedaran bahasa untuk mendidik masyarakat. Tuntasnya, masalah ini harus diatasi sebelum nasi menjadi bubur.



papan-papan tanda

mendidik masyarakat

kesan negatif

bahasa yang gramatis

imej bahasa kebangsaan

Pencemaran bahasa di negara kita tidak boleh dipandang enteng. Pelbagai pihak mesti melihat masalah ini sebagai satu masalah yang boleh mencemarkan

(1) _____ sekiranya dibiarkan berterusan. Jika kita perhatikan situasi hari ini, terdapat pelbagai kesalahan bahasa pada

(2) _____ di premis perniagaan. Masalah ini berpunca daripada persepsi masyarakat yang menganggap bahawa pencemaran bahasa tidak mendatangkan sebarang (3) _____

kepada mereka. Oleh itu, penggunaan (4) _____ pada papan-papan tanda perlu diwajibkan ke atas semua premis perniagaan.

Penganjuran kempen-kempen juga boleh (5) _____ tentang pentingnya penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.

📖 Kamus Mini

1. dibendung – dihalang, ditangani, disekat
2. imej – pendapat orang ramai mengenai sesuatu perkara, nama baik
3. enteng – tidak mustahak atau tidak penting, ringan, mudah
4. persepsi – gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu, pandangan, tanggapan
5. gramatis – berasaskan atau mengikut prinsip-prinsip nahu atau tatabahasa

📖 Info Ekstra

Badan penting yang mengawal pencemaran bahasa di negara kita ialah Dewan Bahasa dan Pustaka.